DOA MAJLIS PERSARAAN GURU

Bismillahirrahmanirrahim , Alhamdulillah rabbil a lamiin ,wassolatu wassalamu ala ashrafil anbiyai walmursalin waala alihi wasoh bihi ajmain.

Allahumma solli ala saiyidina muhammadin solatan tunajjiina min jamii ahwali…..

Ya Allahu Ya A'lim

Segala puji bagi mu Ya Allah tuhan sekelian alam,Demi Maha pemurah dan penyayang mu ya Allah ,mengatur segala pertemuan dan perpisahan ,Mengatur segala rezeki di awal dan akhir,Demi zatmu yang maha tinggi,Iyyaka nakbudu wakikkyaka nastaain ,Ya man khazainuhu baina kaffi wannun , demi maha pentadbir segala sesuatu - tiada daya yang dapat kami menolak kehendak mu dan tiada daya kami kehendaki melainankan kehendakmu. la haula wala quwwata illa billah.

Ya Ghafiri zambi, Wahai tuhan yang maha pengampun,

Ampunilah dosa kami ,dosa ibubapa kami,dosa guru-guru kami,dosa di kalangan kami,dosa mereka yang telah meninggalkan kami,Sesungguhnya kami mengaku bahawa setiap detik dosa yg berbekas di hati menyebabkan kami menjadi khayal dengan dosa kami,Kejutkanlah kami ketika kami leka gelak ketawa menyebabkan hati keras untuk berdoa , tiada lebih layak dari segalanya hanya padamu yg maha esa, Bersihkan roh kami ya allah agar kami dapat meneruskan hidup dengan ketaatan,pimpinlah kami agar kemaksiatan dapat di jauhkan.Bersihkanlah titik hitam di hati kami jika masih terkesan.Lapangkan hati kami dengan penuh keredhaan.

Ya Zal Jalali Wal Ikram , ya Allah demi zat yang memiliki segala kemuliaan,

Doa kami hari ini padamu ya Allah kurniakanlah kepada yg mulia Cikgu Muhamad b. Ab. Hamid dan Cikgu Roszita binti Abdul Rahman serta keluargaanya kesihatan yang berkekalan,umur yang panjang dalam kebaikkan ,istiqamah di jalanmu menguruskan hidup selepas persaraan ,Ya Allah jadikanlah bekas jejak mereka di sini sebagai saksi di hadapan Allah nanti sebagai kebaikkan yang berpanjangan.limpahilah pahala yang berterusan dengan usaha yang telah meraka curahkan di sini .Tabahkan dan tetapkan hati mereka untuk terus menjadi hamba mu yg di redhai.

Ya Mujiba saa ililin – Wahai zat yang menerima rintihan hambanya.Perkenankan doa kami,

Allhumaj'al jam ana jamaaa marhumaa ----

رَّبَّنَآ إِنَّنَا سَمِعْنَا مُنَادِيًا يُنَادِى لِلْإِيمَٰنِ أَنْ ءَامِنُوا۟ بِرَبِّكُمْ فَـَٔامَنَّا ۚ رَبَّنَا فَٱغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَكَفِّرْ عَنَّا سَيِّـَٔاتِنَا وَتَوَفَّنَا مَعَ ٱلْأَبْرَارِ